

NW SALICYLIC ACID 2%W/W CREAM

Salicylic acid 2%w/w

Apa di dalam risalah ini

1. Apakah tujuan kegunaan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream
2. Bagaimana NW Salicylic Acid 2%w/w Cream bertindak
3. Apa yang diperlukan sebelum menggunakan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream
4. Bagaimana menggunakan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream
5. Kesan sampingan
6. Simpanan dan pelupusan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream
7. Keterangan produk
8. Pengilang dan pemilik pendaftaran produk
9. Tarikh semakan

Apakah tujuan kegunaan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream

Krim ini digunakan sebagai krim merawat dermatitis, kekeringan kulit kepala dan keadaan kulit hiperkeratotik.

Bagaimana NW Salicylic Acid 2%w/w Cream bertindak

Krim ini merawat jerawat dengan mengurangkan bengkakan dan kemerahan, mengurangkan sumbatan liang roma dan sekaligus mengecutkan jerawat.

Apa yang diperlukan sebelum menggunakan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream

Bila untuk tidak menggunakannya

Jika anda atau anak anda mempunyai alahan kepada mana-mana bahan dalam ubat ini.

Sebelum menggunakannya

Untuk kegunaan luar sahaja. Gunakan seperti di dalam arahan.

Jangan menggunakan dalam kuantiti yang banyak atau atas bahagian kulit terbuka terutamanya di kawasan luka atau menggelembung.

Sesetengah ubat mungkin berinteraksi dengan krim *salicylic acid*. Sila beritahu doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang kondisi berikut:

- Jika anda alergi terhadap *salicylic acid*
- Jika anda mempunyai perancangan untuk mengandung atau menyusukan.

Bagaimana menggunakan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream

Sapukan ke kawasan jangkitan 2 – 3 kali sehari.

Basuh tangan anda sejurus selepas menggunakan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream.

Jangan menyapukan krim ke atas luka atau kulit yang rosak.

NW Salicylic Acid 2%w/w Cream digunakan secara luaran sahaja.

Kesan sampingan

Krim ini mungkin menyebabkan:

Ruam-ruam, gegata, kegatalan kulit, sukar bernafas, kesempitan di dada, bengkak di sekitar mulut, muka, bibir atau lidah, kulit kemerahan atau kerengsaan.

Jika anda mengalami mana-mana gejala-gejala ini, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda atau dalam kes yang lebih teruk sila pergi ke Jabatan Kecemasan yang terdekat.

Anda dinasihatkan untuk melaporkan kesan sampingan secara terus kepada Agensi Regulatori Farmasi Negara Tel : 03-7883 5550, atau lawati portal.npra.gov.my.

Simpanan dan pelupusan NW Salicylic Acid 2%w/w Cream

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Jauhkan dari haba, lembapan dan cahaya.

Jauhkan dari capaian kanak-kanak

Pelupusan

Sila lupuskan baki krim yang tidak digunakan/melepassi tarikh luput.

Keterangan produk

Rupa produk

Krim warna putih kekuningan:

Bahan-bahan:

Salicylic acid.....2.0%w/w
Emulsifying wax30%w/w
Liquid paraffin..... 6.0%w/w
White soft paraffin..... 15%w/w
Sodium lauryl sulfate..... 0.9%w/w
Cetostearyl alcohol..... 8.1%w/w
Chlorocresol..... 1.0%w/w
Purified water..... 37%w/w

Saiz pek

10g, 25g, 30g dan 60g di dalam botol putih HDPE dengan penutup

MAL No: MAL.....X

Pengilang dan pemilik pendaftaran produk

Natural Wellness Industries Sdn. Bhd.

No: 78, Jalan Kilang Midah, Taman Midah, 56000, Cheras, Kuala Lumpur.

Tarikh semakan

22/01/2017